



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 Ogos 2024
05 Safar 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Rompak hasil laut negara!
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		8	10.8.2024

VESEL nelayan Vietnam yang ditahan pada jarak 192 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.



Hm, m58, 101b

DUA VESEL NELAYAN VIETNAM DITAHAN

ROMPAK HASIL LAUT NEGARA!

Oleh Zatul Iffah Zolkply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan dua vesel nelayan Vietnam yang 'merompak' hampir satu tan hasil laut di perairan Terengganu, Rabu lalu membabitkan rampasan bernilai RM3 juta.

Pengarah APMM Negeri Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulnuar Abd Majid berkata, kedua-dua vesel itu ditahan kapal peronda KM RAWA menerusi Op Naga Barat

pada jarak 192 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.

Beliau berkata, vesel nelayan asing itu dikesan melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara pada jam 3.30 petang.

Katanya, penggeledahan ke atas kedua-dua vesel nelayan asing itu berjaya menahan 17 nelayan Vietnam termasuk tekong berusia dalam lingkungan 23 hingga 50 tahun.

"Pemeriksaan mendaapati kesemua suspek gagal

mengemukakan dokumen pengenalan diri serta kebenaran perjalanan yang sah selain tidak memiliki permit serta kebenaran untuk menangkap ikan di perairan

negara daripada Jabatan Perikanan.

"Sejumlah hasil laut yang terdiri daripada pelbagai jenis

ikan dengan anggaran berat

hampir satu tan yang disyaki ditangkap di perairan negara turut dirampas," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Khairulnuar berkata, kesemua nelayan,

dua bot, peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM3 juta itu dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, proses mengiring bot tahanan itu mengambil masa hampir 30 jam berikutan keadaan jarak yang jauh, cuaca yang buruk serta ombak bergelora.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Jika sabit kesalahan, tekdong boleh dikenakan denda tidak lebih RM1 juta manakala RM100,000 bagi setiap kru atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya.

“
Semua suspek gagal kemukakan dokumen pengenalan diri
Mohd Khairulnuar